

20/11/1998

20,000 panggilan bantah Amerika

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) menerima lebih 20,000 panggilan membantah sikap Amerika Syarikat (AS) menyokong gerakan reformasi di negara ini, dalam tempoh tidak sampai 24 jam.

Bantahan itu dikemukakan orang ramai menerusi talian yang dibuka sejak 4 petang semalam.

Pada masa yang sama, kaunter khas yang dibuka Pemuda BN di aras empat Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pula mengumpul lebih 1,500 nama dan tandatangan orang ramai yang membuat bantahan, sehingga lewat petang ini.

Kaunter khas itu dibuka sehingga jam 12 malam. Selain itu, orang ramai juga menghantar faks melalui talian 03-4442199 untuk menyuarakan bantahan.

Setiausaha Kerja Pemuda Umno Malaysia, Radin Mokhtar Md Yusof, berkata semua bantahan dan tandatangan itu akan dikumpul untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tinjauan Berita Harian ke kaunter khas itu hari ini mendapati orang ramai mengambil kesempatan, terutama pada waktu makan tengah hari untuk mendaftar nama dan menurunkan tandatangan masing-masing.

Pemandu pelancong, Norazlina Mohd Shariffuddin, 22, berkata beliau tidak mahu ketinggalan mengutuk Naib Presiden AS, Al Gore kerana kenyataannya melampau dan keterlaluan.

"Sebagai rakyat Malaysia kita harus memberi sokongan penuh kepada negara sendiri dan menolak sekeras-kerasnya mereka yang cuba menjatuhkan nama baik negara," katanya.

Bendahari Umno cawangan Talang Masjid Kuala Kangsar, Perak, Abdul Hayee Zabidin, 58, juga menyokong penuh langkah mendapatkan tandatangan orang ramai sebagai bukti rakyat masih setia dan cinta kepada negara.

Pekerja swasta, Abdul Ghani Mohd Ibrahim, 27, berkata kempen mendapatkan sokongan itu perlu diperluaskan bagi memberi kesempatan orang ramai menyatakan perasaan dan sokongan dalam pelbagai bentuk.

Sementara itu, sekumpulan 13 rakyat Malaysia yang menamakan diri mereka Warga Korporat, menempah iklan dalam akhbar New Straits Times (NST) hari ini untuk membidas Gore.

Mereka berkata, kenyataan Gore mengenai keadaan politik Malaysia tidak berasas dan tidak wajar dibuat.

"Sikap angkuh, jahil dan kurang ajar bukan pendirian Amerika dan rakyat Amerika," kata mereka dalam iklan itu.

Dalam akhbar Berita Harian dan NST, sebuah lagi iklan menyediakan talian untuk rakyat Malaysia yang ingin meluahkan perasaan marah terhadap Gore.

"Kami ingin merakamkan bantahan rasmi secara aman selaras dengan tradisi demokratik negara kita, di mana hak dan kebebasan warganegara tetap kukuh.

"Jika ada ingin merakamkan sokongan anda, sila hubungi hotline 03-2025615 dan daftarkan nama anda," kata iklan itu yang tidak menyiar siapa penajanya.

(END)